



*Skim*  
**PERKHIDMATAN PERUBATAN  
PELAJAR**

## KANDUNGAN

<b>TUJUAN</b>		<b>3</b>
<b>BAHAGIAN A -</b>	<b>TAFSIRAN</b>	<b>4</b>
<b>BAHAGIAN B -</b>	<b>KEMUDAHAN PERUBATAN DI HOSPITAL KERAJAAN</b>	<b>7</b>
<b>BAHAGIAN C -</b>	<b>KEMUDAHAN RAWATAN DAN PERUBATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI</b>	<b>12</b>
<b>BAHAGIAN D -</b>	<b>BAYARAN RAWATAN</b>	<b>16</b>
<b>BAHAGIAN E -</b>	<b>PELBAGAI</b>	<b>18</b>

## **SKIM PERKHIDMATAN PERUBATAN PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **TUJUAN**

Skim Perkhidmatan Perubatan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ini bertujuan menentang dan menerangkan segala peraturan, peruntukan dan faedahnya kepada pelajar Universiti. Kemudahan ini diberikan kepada semua pelajar yang layak menerima skim ini mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Skim kesihatan merupakan satu kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada pemegang skim yang layak oleh Pihak Universiti. Pusat Kesihatan UTHM telah menawarkan beberapa kategori skim kesihatan kepada warga universiti mengikut kelayakan. Skim ini meliputi kemudahan perkhidmatan kepada pelajar universiti dan bertujuan untuk memberikan kemudahan perkhidmatan pemeriksaan dan rawatan serta bayaran kepada pemegang skim.

Pusat Kesihatan UTHM juga telah menyediakan satu garis panduan peraturan perkhidmatan yang ditawarkan. Garis panduan peraturan ini menerangkan mengenai peraturan-peraturan am perkhidmatan dan rawatan. Ia meliputi perkara-perkara seperti skop kelayakan penerimaan kemudahan, jadual perkhidmatan, kemudahan yang disediakan dan kadar bayaran perkhidmatan.

## BAHAGIAN A

### TAFSIRAN

Dalam skim ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :

1. **Skim** Skim Perkhidmatan Perubatan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. **Universiti** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
3. **Naib Canselor** Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
4. **Kuasa Tertentu** Naib Canselor atau mana-mana Staf yang diberi kuasa.
5. **Pelajar** Seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.
6. **Calon Luar** Pelajar yang hanya mengambil peperiksaan akhir bagi satu mata pelajaran yang mana beliau gagal peperiksaan khas semester akhir sebelumnya.
7. **Pelajar Luar** Pelajar daripada IPT lain yang terlibat dengan program-program yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti
8. **Pusat Kesihatan Universiti** Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

9. **Klinik Pesakit Luar Swasta** Perkhidmatan rawatan pesakit luar perubatan / pergigian swasta.
10. **Hospital Kerajaan** Semua Hospital Kerajaan, Pusat Kesihatan dan Klinik Perubatan Kerajaan termasuk Hospital Universiti yang terletak dalam Malaysia.
11. **Hospital Swasta** Semua hospital atau klinik yang tidak termasuk dalam tafsiran hospital Kerajaan.
12. **Klinik Panel** Klinik swasta yang dilantik oleh Universiti bagi memberi perkhidmatan perubatan kepada staf Universiti.
13. **Pegawai Perubatan Universiti** Pegawai Kesihatan / Perubatan / Pergigian yang bertauliah dan berdaftar dengan Kerajaan Malaysia yang dilantik oleh Universiti untuk berkhidmat dengan Universiti ini.
14. **Pegawai Hal Ehwal Pelajar** Staf di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkhidmat di bawah Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.
15. **Pegawai Perubatan Kerajaan** Pegawai Perubatan / Pergigian yang berdaftar dan berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.
16. **Pegawai Perubatan Swasta** Pegawai Perubatan Perubatan / Pergigian berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.
17. **Lembaga Perubatan** Sebuah Lembaga yang dilantik oleh Universiti bagi mengkaji dan membuat laporan tentang penyakit yang dihadapi oleh pelajar bagi menentukan kelayakan pengajiannya atas sebab-sebab kesihatan.

18. **Kecemasan** Sebarang kes yang berkaitan dengan kecederaan dan kemalangan, kesakitan yang teramat sangat, demam yang tinggi (melebihi 38°C), kesukaran untuk bernafas, pendarahan, tidak sedarkan diri dan keadaan pesakit mengganggu ketenteraman orang lain atau membahayakan dirinya atau orang lain.
19. **Staf** Staf Universiti yang dilantik dalam perkhidmatan Universiti samada bertaraf tetap, sementara, kontrak atau pinjaman.
20. **Orang Luar** Mereka yang tidak terlibat dengan Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar
21. **Tahun Akademik** Tahun akademik Universiti yang dibahagikan kepada dua semester iaitu Semester I dan Semester II

## BAHAGIAN B

### KEMUDAHAN PERUBATAN DI HOSPITAL KERAJAAN

#### 1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Pelajar Universiti yang telah menjelaskan yuran perkhidmatan kesihatan bagi sesuatu semester.
- 1.2 Pelajar yang menanggung pengajian atas sebab-sebab kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti.
- 1.3 Mereka yang **TIDAK LAYAK** menerima skim ini ialah:
  - 1.3.1 Pelajar yang menanggungkan pengajian **BUKAN** atas sebab-sebab kesihatan
  - 1.3.2 Pelajar yang menarik diri
  - 1.3.3 Pelajar yang diberhentikan
  - 1.3.4 Pelajar yang digantung pengajian
  - 1.3.5 Pelajar yang tamat pengajian berkuatkuasa mulai tarikh disiarkan keputusan akhir bagi kursus pengajiannya
  - 1.3.6 Calon luar

## 2.0 SUMBER RAWATAN

2.1 Pelajar yang layak boleh mendapatkan kemudahan rawatan di :

- (a) Hospital Kerajaan
- (b) Hospital Universiti
- (c) Pusat Kesihatan Universiti

## 3.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG

Universiti akan menanggung kos bagi kemudahan berikut :

- 3.1 Tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di perenggan 3.3 dan 4.0, Universiti akan menanggung apa-apa bayaran yang dikenakan oleh pihak hospital ke atas pelajar.
- 3.2 Perbelanjaan pembelian, penggantian dan pembaikpulihan alat ortopedik dan anggota palsu ortopedik yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan tetapi tidak dibekalkan oleh Hospital Kerajaan.
- 3.3 Perbelanjaan rawatan yang **tidak melebihi had RM3,000.00** untuk seseorang pelajar bagi sekali rawatan dan **tidak melebihi had RM10,000.00** untuk seseorang pelajar bagi satu tahun akademik.



#### 4.0 PERBELANJAAN YANG TIDAK DITANGGUNG

Universiti TIDAK MENANGGUNG sebarang kos bagi kemudahan-kemudahan berikut :

- 4.1 Rawatan, ubat dan peralatan untuk kemandulan, kesuburan atau pencegahan kehamilan.
- 4.2 Rawatan dan pemeriksaan berkaitan mengandung dan bersalin samada dalam keadaan normal ataupun yang tidak normal.
- 4.3 Alat-alat dan barang gantian anggota seperti gigi palsu dan sebagainya.
- 4.4 Rawatan pemindahan anggota seperti pemindahan jantung, buah pinggang, mata dan sebagainya.
- 4.5 Alat bantuan kepada kecacatan dan ketidakupayaan anggota seperti tongkat, kerusi roda, cermin mata, alat bantuan pendengaran dan sebagainya.
- 4.6 Rawatan untuk tujuan kosmetik atau ritual seperti berkhatan dan sebagainya, kecuali dalam keadaan pada mana Pegawai Perubatan Universiti mengesahkan rawatan itu diperlukan untuk mengurangkan risiko kepada pesakit.
- 4.7 Rawatan imunisasi untuk tujuan pelalian kecuali dalam keadaan wabak atau suntikan vaksin tetanus yang diberikan selepas luka.
- 4.8 Perbelanjaan bagi memasang implant dalam tubuh untuk menyelamatkan nyawa pesakit yang diperakukan oleh Pakar Perubatan Kerajaan.
- 4.9 Perbelanjaan rawatan perubatan alternatif atau tradisional

- 4.10 Perbelanjaan rawatan di hospital swasta kecuali Pegawai Perubatan Universiti mengesahkan rawatan tersebut adalah untuk kecemasan seperti kemalangan berlaku berdekatan hospital tersebut.
- 4.11 Perbelanjaan rawatan di luar negara.
- 4.12 Perbelanjaan pemeriksaan perubatan kecuali atas urusan rasmi Universiti.
- 4.13 Perbelanjaan rawatan untuk keluarga pelajar.

## 5.0 KELAYAKAN WAD

- 5.1 Universiti hanya menanggung perbelanjaan **wad Kelas Dua** atau yang lebih rendah.
- 5.2 Bagi Hospital Kerajaan yang tidak mempunyai pilihan kelas wad atau pelajar diarahkan untuk menduduki kelas wad yang lebih tinggi daripada kelayakannya, maka had yang ditanggung oleh Universiti adalah tidak melebihi RM20.00 bagi satu hari.
- 5.3 Bagi pelajar yang meminta dimasukkan ke wad yang lebih tinggi kelasnya daripada yang dia layak, dikehendaki membayar bayaran wad seperti yang dikenakan kepada orang ramai. Pelajar boleh dikehendaki membayar deposit atau jaminan pembayaran kepada pihak Hospital Kerajaan.

## **6.0 SURAT JAMINAN**

- 6.1 Pelajar yang ingin mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan dikehendaki mengemukakan surat jaminan perubatan yang mengandungi maklumat pengesahan pelajar bagi tujuan tanggungan bayaran hospital oleh Universiti.
- 6.2 Surat jaminan ini boleh dikeluarkan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar.
- 6.3 Pelajar yang tidak mengemukakan Surat Jaminan Perubatan semasa ditahan di hospital kerajaan atau hospital Universiti, perlu mendahulukan bayaran rawatan dan menuntut semula dengan mengemukakan resit asal kepada Pusat Kesihatan Universiti. Walau bagaimanapun perkara ini adalah bagi rawatan yang layak sahaja.

## BAHAGIAN C

### KEMUDAHAN RAWATAN DAN PERUBATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

#### 1.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG

1.1 Pelajar Universiti adalah layak untuk menerima rawatan di Pusat Kesihatan

#### 1.2 Klinik Pesakit Luar

Rawatan pesakit luar adalah mengikut jadual yang ditetapkan oleh Universiti.

#### 1.3 Perkhidmatan Kecemasan

Pusat Kesihatan Universiti menyediakan kemudahan kecemasan 24 jam.

#### 1.4 Makmal Perubatan

Ujian makmal perubatan hanya dijalankan atas nasihat atau cadangan Pegawai Perubatan Universiti.

#### 1.5 Kemudahan Bilik Pengasingan

##### 1.5.1 Penyakit Berjangkit

Semua pesakit yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti sebagai mengidap penyakit berjangkit adalah diwajibkan tinggal di Bilik Pengasingan kecuali dengan kebenaran Pegawai Perubatan Universiti.

##### 1.5.2 Pesakit Yang Perlu Pemerhatian

Pegawai Perubatan Universiti boleh mencadangkan rawatan di bilik pemerhatian bagi pesakit berisiko tinggi dan memerlukan pemerhatian dan rawatan yang lebih rapi.

### **1.5.3 Penyediaan Bilik Pengasingan**

Kemudahan Bilik Pengasingan perlu disediakan di setiap Kolej Kediaman Pelajar dengan semua kelengkapan disediakan oleh pihak Kolej Kediaman.

### **1.5.4 Perbelanjaan Makanan Di Bilik Pengasingan**

Pelajar layak untuk disediakan sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam di bilik pengasingan dan tanggungan pembiayaan adalah di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengikut kadar yang telah ditetapkan.

## **1.6 Kemudahan Ambulan Dan Kenderaan**

### **1.6.1 Kenderaan Kes Kecemasan**

Pusat Kesihatan Universiti menyediakan kemudahan kenderaan untuk semua kes kecemasan pada setiap masa.

### **1.6.2 Kenderaan Kes Bukan Kecemasan**

Pejabat Hal Ehwal Pelajar melalui Pusat Perumahan dan Pengangkutan Pelajar akan berusaha untuk menguruskan kenderaan bagi pengangkutan kes rujukan bukan kecemasan ke hospital.

### **1.6.3 Perbelanjaan Pengangkutan**

Universiti tidak akan menanggung perbelanjaan pengangkutan selain daripada kenderaan yang disediakan oleh Universiti atau Hospital Kerajaan.

### **1.6.4 Keperluan Ambulans**

Penggunaan Ambulans Pusat Kesihatan Universiti adalah tertakluk kepada kelulusan Pengarah Pusat Kesihatan Universiti.

## 1.7 Kemudahan Wad

Pelajar boleh dirawat di wad Pemerhatian Pusat Kesihatan Universiti untuk menjalani pemerhatian di dalam waktu pejabat sahaja. Pelajar yang memerlukan pemerhatian lebih dari waktu itu akan dirujuk ke hospital.

## 2.0 RAWATAN DAN KEMUDAHAN YANG TIDAK DITANGGUNG DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Pusat Kesihatan Universiti TIDAK MENANGGUNG bagi rawatan dan kemudahan berikut:

- 2.1 Pemeriksaan perubatan atas kehendak pelajar sendiri tanpa cadangan atau nasihat daripada Pegawai Perubatan Universiti
- 2.2 Alat-alat dan barang-barang gantian anggota seperti gigi palsu, kaki palsu dan sebagainya.
- 2.3 Alat-alat bantuan kepada kecacatan dan ketidakupayaan anggota.
- 2.4 Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan ritual atau kosmetik.
- 2.5 Imunisasi pilihan untuk orang dewasa.
- 2.6 Imunisasi pilihan untuk kanak-kanak.
- 2.7 Imunisasi perjalanan.
- 2.8 “*House-calls*”, rawatan dan penjagaan persendirian.

### **3.0 RAWATAN PERGIGIAN**

**3.1** Pusat Kesihatan Universiti menyediakan kemudahan rawatan pergigian kepada pelajar sahaja.

#### **3.2 Kemudahan**

Kemudahan rawatan pergigian dibuka mengikut jadual yang ditetapkan oleh Universiti.

#### **3.3 Tanggungan Rawatan**

Perkhidmatan pergigian yang disediakan adalah seperti berikut :

- a) Pemeriksaan dan diagnosa
- b) Rawatan Abses
- c) Ubat-ubatan
- d) Tampalan
- e) Penskaleran
- f) Endodontik
- g) Pembedahan Kecil Mulut
- h) X-ray
- i) Cabutan

## **BAHAGIAN D**

### **BAYARAN RAWATAN**

#### **1.0 BAYARAN YANG DITANGGUNG**

- 1.1 Tertakluk kepada syarat-syarat dalam peraturan ini, Universiti akan menanggung bayaran sekiranya mendapat rawatan yang dinyatakan dalam Skim ini.
- 1.2 Bayaran dibuat meliputi bayaran wad, perundingan, dan rawatan.
- 1.3 Rawatan Pakar ditanggung sekiranya rawatan diperolehi daripada Hospital Kerajaan atau Hospital Universiti sahaja.
- 1.4 Universiti akan menanggung rawatan di klinik / hospital pakar swasta sekiranya rawatan yang diperlukan tidak boleh didapati di mana-mana Hospital Kerajaan atau Hospital Universiti dengan syarat pelajar perlulah mendapatkan surat pengesahan daripada pihak Hospital Kerajaan atau Hospital Universiti terlebih dahulu dan dipersetujui oleh Universiti.
- 1.5 Pembayaran bil hospital yang telah didahulukan oleh pelajar boleh dituntut daripada Universiti dengan mengemukakan resit asal pembayaran kepada Pusat Kesihatan Universiti. Walau bagaimanapun perkara ini adalah bagi rawatan yang layak sahaja.
- 1.6 Pembelian ubatan-ubatan bagi penyakit kronik yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan atau Pakar di Hospital Kerajaan. Bagi pembelian ubat-ubatan yang telah didahulukan oleh pelajar, pelajar boleh menuntut semula daripada Universiti dengan mengemukakan resit asal pembayaran kepada Pusat Kesihatan Universiti tertakluk kepada jumlah had tidak melebihi RM250.00 sebulan.



## **2.0 BAYARAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

- 2.1 Perbelanjaan perubatan bagi Klinik Pesakit Luar Swasta.
- 2.2 Perbelanjaan yang ditanggung dalam polisi insurans Pelajar.
- 2.3 Rawatan bagi kes-kes mengandung dan bersalin bagi pelajar atau pun keluarga pelajar.

## **3.0 BAYARAN YANG DIKENAKAN KEPADA PELAJAR LUAR**

- 3.1 Pelajar Luar yang mendapatkan perkhidmatan atau melakukan aktiviti yang diluluskan oleh Universiti hendaklah membayar bil-bil rawatan yang dikenakan dengan kadar semasa yang ditetapkan oleh Universiti.

## **4.0 AM**

- 4.1 Mana-mana Perkara seperti yang dinyatakan pada Perkara 4.0, Bahagian B dan Perkara 2.0, Bahagian C dan boleh disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti untuk pelajar akan dikenakan bayaran dengan kadar yang ditetapkan oleh Universiti.
- 4.2 Mana-mana pengecualian atau kelulusan berkenaan kadar bayaran atau kelulusan berkenaan kelayakan, selain daripada yang dinyatakan di dalam Skim ini hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti.

## **BAHAGIAN E**

### **PELBAGAI**

#### **1.0 RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA**

- 1.1 Pelajar adalah layak untuk menerima rawatan / pembedahan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. Sebelum rawatan di Institut Jantung Negara dibuat, pelajar hendaklah :
- i) Mendapatkan pengesahan atau arahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan mengenai rawatan lanjut di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.
  - ii) Mengemukakan kepada Universiti anggaran kos bagi rawatan / pembedahan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.
  - iii) Memohon Surat Jaminan Perubatan daripada Universiti
- 1.2 Bagi anggaran kos rawatan yang melebihi RM3,000.00, Pihak Universiti boleh menanggung penuh atau sebahagian daripada baki kos yang terlibat tertakluk kepada kelulusan bertulis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

#### **2.0 KUASA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

- 2.1 Lembaga Pengarah Universiti berhak meminda, mengubah, membatalkan atau menambahkan mana-mana atau keseluruhan skim pada bila-bila masa mengikut budibicaranya.

*Disediakan oleh,  
Pejabat Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
20 Ogos 2013*